

PANDUAN TEKNIKAL

PANDUAN KEPADA PENGAMAL PERUBATAN BERDAFTAR YANG DILULUSKAN BAGI MELAKUKAN PEMERIKSAAN PERUBATAN KE ATAS PEKERJA SINARAN



LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Batu 24, Jalan Dengkil
43800 Dengkil Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-8922 5888
Fax: 03-8922 3685
Laman Web: <http://www.aelb.gov.my>

**PANDUAN KEPADA PENGAMAL PERUBATAN BERDAFTAR YANG
DILULUSKAN BAGI MELAKUKAN PEMERIKSAAN PERUBATAN KE ATAS
PEKERJA SINARAN**

KANDUNGAN

TUJUAN	3
SKOP	3
SINGKATAN	3
TAFSIRAN	4
KEPERLUAN PELAKSANAAN PEMERIKSAAN PERUBATAN BERKALA KEPADA PEKERJA	4
TATACARA PENGGUNAAN BORANG PEMERIKSAAN PERUBATAN LPTA/BM/5 (SEKSYEN A) SEMAKAN 1	5
PENYIMPANAN DAN PENYENGGARAAN BORANG LPTA/BM/5 (SEKSYEN A)	7
PEMBATALAN	8
PENUTUP	8
REKOD DOKUMEN	9
RUJUKAN	9

TUJUAN

1. Panduan ini disediakan adalah untuk memberi garis panduan kepada Pengamal Perubatan Berdaftar Yang Diluluskan berhubung keperluan melaksanakan pemeriksaan perubatan dan tatacara penggunaan borang Buku Rekod Perubatan (LPTA/BM/5) Seksyen A (Semakan 1).

SKOP

2. Panduan ini boleh digunakan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar yang Diluluskan bagi Melakukan Pemeriksaan Perubatan ke Atas Pekerja Sinaran menggunakan Buku Rekod Perubatan (LPTA/BM/5) Seksyen A (Semakan 1) di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304).
3. Panduan ini tidak terpakai kepada mana-mana orang yang menerima dedahan perubatan di bawah tafsiran Peraturan-peraturan Pelesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 [P.U.(A) 46].

SINGKATAN

4. Dalam panduan ini, singkatan perkataan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- | | | | |
|-----|------|---|--|
| 4.1 | AELB | - | <i>Atomic Energy Licensing Board</i> /Lembaga Perlesenan Tenaga Atom |
| 4.2 | JKKP | - | Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan |
| 4.3 | MMC | - | Malaysian Medical Council/Majlis Perubatan Malaysia |
| 4.4 | ARMP | - | Pengamal Perubatan Berdaftar Yang Diluluskan |

TAFSIRAN

5. Dalam panduan ini,

“Pekerja” ertinya mana-mana orang yang bekerja di bawah arahan Pemegang Lesen, sama ada atau tidak dia diambil kerja oleh Pemegang Lesen itu, dalam pengendalian atau penggunaan, atau yang akan bersentuhan dengan mana-mana bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran;

“Pengamal Perubatan Berdaftar Yang Diluluskan” ertinya seseorang pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan untuk bertanggungjawab bagi pengawasan perubatan pekerja;

“Pengawasan perubatan” ertinya sesuatu aktiviti yang dijalankan oleh mana-mana pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan untuk memastikan bahawa kesihatan am pekerja tidak terjejas oleh dedahan sinaran.

KEPERLUAN PELAKSANAAN PEMERIKSAAN PERUBATAN BERKALA KEPADA PEKERJA

6. Di bawah Akta 304 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, setiap pekerja perlu menjalani pengawasan perubatan, supaya kesihatan pekerja sentiasa dapat diawasi dan kesan-kesan negatif sinaran dapat dikesan, dicegah, didiagnosis dan kalau perlu dirawat dengan seberapa segera.
7. Seksyen 25 Akta 304 memperuntukkan tanggungjawab Pemegang Lesen untuk mematuhi arahan pihak berkuasa berkenaan bagi memastikan perlindungan kesihatan dan keselamatan pekerja daripada sinaran mengion. Peraturan 27 P.U.(A) 46 seterusnya memperuntukkan supaya pengawasan perubatan dijalankan ke atas pekerja dan dijalankan oleh ARMP sahaja.

8. Notis Pemberitahuan Bil 5/2020 bertarikh 17 September 2020 telah menetapkan kriteria kelayakan ARMP untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan adalah mana-mana Pegawai Perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) sebagai Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD).
9. Pemeriksaan perubatan hendaklah dilaksanakan diperingkat Prapekerjaan [Peraturan 31 P.U.(A)46], secara berkala bergantung kepada jenis dan takat dedahan kepada sinaran mengion yang memerlukan kajian semula sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun bagi pekerja di dalam kawasan kawalan dan lebih kerap jika keadaan dedahan dan keadaan kesihatan pekerja itu mengkehendaki sedemikian [Peraturan 33 P.U.(A)46], dan apabila ditamatkan kerja atau bersara [Peraturan 34 P.U.(A)46].

TATACARA PENGGUNAAN BORANG PEMERIKSAAN PERUBATAN LPTA/BM/5 (SEKSYEN A) SEMAKAN 1

10. Bahagian ini menerangkan tatacara penggunaan Borang LPTA/BM/5 (Seksyen A) Semakan 1.
11. Borang LPTA/BM/5 (Seksyen A) Semakan 1 ini terpakai untuk kesemua empat (4) jenis pemeriksaan perubatan yang diperuntukkan di bawah P.U.(A) 46 iaitu:
 - i. pemeriksaan perubatan pra-pekerjaan;
 - ii. kajian semula kesihatan secara berkala;
 - iii. pemeriksaan perubatan apabila ditamatkan kerja atau bersara; dan
 - iv. pemeriksaan perubatan khas (Penyiasatan & rawatan) (Peraturan 35).
12. Borang LPTA/BM/5 (Seksyen A) Semakan 1 mengandungi tiga (3) bahagian utama iaitu:
 - 12.1 Bahagian I: *Rekod Kesihatan Calon/Pekerja Sinaran*, yang merangkumi

keterangan diri pekerja, rekod pengikraran kesihatan pekerja, sejarah kesihatan keluarga, dan perakuan pekerja;

12.2 Bahagian II: *Pemeriksaan Perubatan Pra-pekerjaan / Kajian Semula Kesihatan Berkala / Pemeriksaan Perubatan apabila Ditamatkan Kerja atau Bersara / Pemeriksaan Perubatan Khas*, yang merangkumi ulasan dan dapatan ARMP berdasarkan Pemeriksaan Fizikal, Pemeriksaan Sinar-X Dada (*Chest X-ray*), Pemeriksaan Urin, Pemeriksaan Darah, serta Keputusan pemeriksaan tersebut; dan

12.3 Bahagian III: Surat Pengesahan Pemeriksaan Perubatan, yang mengandungi pengesyoran ARMP, iaitu sama ada seseorang pekerja itu layak/masih layak atau kesihatannya terganggu disebabkan sinaran mengion.

13. Bagi setiap pemeriksaan perubatan yang dijalani:

13.1 Bahagian I perlu dilengkapkan dan ditandatangani oleh pekerja sinaran; dan

13.2 Bahagian II dan III perlu dilengkapkan dan ditandatangani oleh ARMP.

14. ARMP hendaklah memastikan supaya setiap pekerja sinaran menjalani kesemua ujian berikut, dan menyatakan keputusan pemeriksaan keseluruhan di Bahagian II (G):

14.1 Bahagian A- Ulasan Bahagian I (Kesihatan Calon Pekerja);

14.2 Bahagian B- Pemeriksaan Fizikal;

14.3 Bahagian C- Pemeriksaan X- Ray Dada;

14.4 Bahagian D- Pemeriksaan Urin;

14.5 Bahagian E- Pemeriksaan Darah;

14.6 Bahagian F- Lain-lain pemeriksaan yang berkaitan.

15. Sekiranya ARMP, pada budi bicaranya, berpendapat pekerja sinaran perlu melaksanakan pemeriksaan tambahan selain daripada ujian di atas, maka beliau hendaklah menyatakan sebab-sebab mengapa ianya diperlukan di Ruangan Bahagian F dan beliau boleh mengarahkan pekerja melaksanakan ujian yang diperlukan tersebut serta mencatatkan keputusan-keputusannya.
16. Bahagian III merupakan Surat Pengesahan Pemeriksaan Perubatan yang perlu dilengkapi oleh ARMP.
 - 16.1 Bagi setiap pemeriksaan perubatan, satu set (salinan asal dan pendua) surat pengesahan pemeriksaan perubatan ini hendaklah diisi oleh ARMP.
 - 16.2 Salinan asal surat pengesahan pemeriksaan perubatan tersebut yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dihantar kepada pemegang lesen sama ada oleh ARMP atau calon/pekerja yang berkenaan (mengikut mana yang sesuai).
17. Setiap pekerja sinaran dan ARMP diarahkan menggunakan Borang LPTA/BM/5 (Seksyen A) Semakan 1 yang sama setiap kali pemeriksaan perubatan dijalankan ke atas pekerja berkenaan sehinggalah semua ruangan yang terdapat pada Bahagian II dan III penuh. Ini akan memudahkan ARMP untuk mengetahui sejarah atau perkembangan kesihatan seorang pekerja sinaran daripada mula dia bekerja sehinggalah dia berhenti kerja atau bersara kerana semua maklumat yang berkenaan terdapat di dalam borang yang sama LPTA/BM/5 (Seksyen A) Semakan 1.
18. Apabila semua ruangan pada Bahagian II dan III telah penuh diisi, ARMP bolehlah menggunakan borang LPTA/BM/5 (Seksyen A) Semakan 1 yang baru bagi pekerja berkenaan.

PENYIMPANAN DAN PENYENGGARAAN BORANG LPTA/BM/5 (SEKSYEN A)

19. Selaras dengan keperluan Peraturan 39 P.U.(A) 46, majikan dan pemegang

lesen hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu rekod perubatan bagi pekerjaanya selama tempoh dia terus menjadi pekerjaanya. Peraturan 39(5) P.U.(A) 46 memperuntukkan majikan untuk memindahkan rekod perubatan pekerjaanya kepada pihak berkuasa berkenaan apabila penamatan kerja atau persaraan pekerja, atau apabila terhentinya operasi majikan tersebut.

20. Bagi memenuhi kehendak peraturan ini, bagi kes persaraan/ penamatan kerja, rekod-rekod perubatan pekerja hendaklah diserahkan kepada:

20.1 **AELB** bagi semua pekerja sinaran kecuali tujuan perubatan; atau

20.2 **Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia** bagi tujuan Perubatan.

21. Bagi kes pemegang lesen yang menamatkan perkhidmatan dan tidak berurusan lagi dengan aktiviti sinaran mengion, rekod perubatan pekerja hendaklah dipindahkan kepada majikan baru yang mengambil alih operasi yang terhenti tersebut. Jika tiada majikan baru yang mengambil alih operasi tersebut, rekod berkenaan **hendaklah dipindahkan kepada AELB** seperti tatacara 20.1.

22. Semua rekod pemeriksaan perubatan akan disimpan oleh pihak berkuasa berkenaan untuk tempoh 30 tahun selepas persaraan/ penamatan kerja.

PEMBATALAN

23. Dengan penguatkuasaan panduan ini, LEM/TEK/12 bertarikh 1 Disember 1988 adalah dibatalkan serta merta.

PENUTUP

24. Panduan ini adalah terpakai serta merta pada tarikh ia dikeluarkan.

25. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai panduan ini, sila berhubung dengan AELB menggunakan alamat seperti di bawah:

Unit Komunikasi Korporat (UKK)
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil
Selangor Darul Ehsan
No. Telefon : 03-8922 5888
No. Faks: 03-8922 3685
Email: corporate@aelb.gov.my
Laman Web: www.aelb.gov.my

REKOD DOKUMEN

Tarikh Terima pakai	Status Semakan	Penyedia
30 Jun 2022	1	Nor Faezah Rabani

RUJUKAN

- a. Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304).
- b. Peraturan-Perlesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 [P.U. (A) 46].